

1984

MAHATHIR - PERBELANJAAN

KUALA LUMPUR, 7 NOV. (BERNAMA) -- MULAI HARI INI, SEMUA JABATAN DAN AGENSI KERAJAAN SERTA BADAN-BADAN BERKANUN PERLU MEMBUAT PENYATAAN KEPADA KERAJAAN TENTANG SEGALA PERBELANJAAN YANG DIKELUARKAN, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MENGUMUMKAN HARI INI.

PERDANA MENTERI BERKATA ARAHAN ITU DIKELUARKAN KERANA KERAJAAN INGIN TAHU SAMADA SEGALA PERBELANJAAN DIEUAT DENGAN CUKUP TELITI ATAU WANG KERAJAAN DIBELANJAKAN TANPA SEBARANG PENGAWASAN.

PERATURAN BARU ITU DILULUSKAN DALAM MESYUARAT MINGGUAN KABINET YANG DIPENGERUSIKANNYA HARI INI..

+ DENGAN DEMIKIAN, KERAJAAN MENGEHENDAKKI SUPAYA ADA LAPORAN BALIK TENTANG SEGALA PERBELANJAAN YANG DIBUAT OLEH JABATAN-JABATAN KERAJAAN DAN BADAN-BADAN BERKANUN, + JELASNYA.

SEBAGAI CONTOH, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA SEKIRANYA SEBUAH BADAN KERAJAAN MEMBELIKENDERAAN, JABATAN BERKENAAN PERLU MENYATAKAN MENGAPA KENDERAAN ITU PERLU DAN JIKA PERLU, SAMADA IA BENAR-BENAR DIGUNAKAN DAN UNTUK KEGUNAAN APA DAN SIAPA. ---LAGI

1623MST 07 11 84

MAHATHIR - PERBELANJAAN 2 KUALA LUMPUR

MENTERI PERUSAHAAN AWAM, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ BERKATA - SIDANG KABINET HARI INI JUGA BERSETUJU MEMBENARKAN PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN MENDUDUKI DALAM LEMBAGA PENGARAH TIDAK LEBIH DARIPADA LIMA SYARIKAT INDUK DAN TIDAK LEBIH DARIPADA TIGA ANAK SYARIKAT.

SEBELUM INI, MEREKA TIDAK DIBENARKAN MENDUDUKI LEMBAGA PENGARAH MANA-MANA ANAK SYARIKAT. --BERNAMA

1643MST 07 11 84,